

## Peranan Akal Dalam Mengenali Allah S.W.T. : Kajian Terhadap Surah Al-Nahl

### The Role of *Akal* in the Identity of Allah S.W.T. : Al-Nahl Surveys Study

Abdul Mukti bin Baharudin

Pensyarah Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi Selangor  
abdulmukti@kuis.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 29 Okt 2019

| Selepas Pembetulan: 20 Nov 2019

| Diterima untuk terbit: 22 Nov 2019

#### Abstrak

*Allah s.w.t. telah menjelaskan di dalam al-Quran bahawa manusia adalah sebaik-baik makhluk yang diciptakanNya. Keistimewaan yang mereka miliki berbanding makhluk-makhluk lain ialah akal. Anugerah akal ini menjadikan manusia makhluk yang mukalaf. Oleh itu perkara utama yang diwajibkan kepada manusia ialah mengenal penciptanya, iaitu Allah s.w.t. Lantaran itu, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menyarankan manusia menggunakan akal mereka untuk mengenali Allah s.w.t. serta menafikan sekutu bagiNya. Kajian ini akan menganalisis surah al-Nahl dengan memfokuskan ayat-ayat yang menyarankan kepada manusia agar menggunakan akal dalam mentauhidkan Allah s.w.t. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa akal memainkan peranan yang amat penting dalam mengenali Allah s.w.t. Namun ia perlulah dipandu oleh al-Quran dan al-Sunnah agar tidak tersasar daripada jalan yang sebenar.*

#### Kata kunci

Akal, Surah, al-Nahl, Akidah dan Allah

#### Abstract

*Allah s.w.t. has explained in the Quran that man is the best of His creatures. The privilege they have over other beings is common sense. This grace makes human beings intelligent. Therefore, the basic requirement of man is to know his creator, Allah s.w.t. Therefore, there are many verses in the Quran that advise people to use their intellect to know Allah s.w.t. and deny allies to Him.*

*This study will analyze al-Nahl's surah by focusing on verses that encourage people to use their intellect in directing Allah s.w.t. The methodology used in this study is qualitative. The results show that mind plays a very important role in knowing Allah s.w.t. However, it must be guided by the Quran and the Sunnah in order not to deviate from the true path.*

**Keywords**

*Akal, Surah, al-Nahl, Faith and Allah*

**1.0 Pengenalan**

Akal merupakan anugerah Allah s.w.t. yang amat istimewa kepada makhluk yang bernama manusia. Maad (2017) menyatakan dalam perbahasan karya-karya tradisi Islam, akal dilihat sebagai satu unsur penting dalam diri manusia. Ia malah menjadi unsur pentakrif yang membezakan manusia daripada makhluk-makhluk Tuhan yang lain. Selain bentuk fizikal yang sememangnya berbeza, akal yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. menjadikan manusia mampu menguasai makhluk-makhluk lain, meneroka alam yang amat luas ini, menjadi khalifah agar mentadbir bumi dengan adil dan saksama, bahkan yang paling utama, mampu mengenal Penciptanya yang Maha Agung.

Di dalam Islam, akal mempunyai pelbagai fungsi dan peranan. Salah satu yang utamanya ialah merenung, memikirkan dan mentadabbur alam. Ini merupakan proses pada peringkat pertama sebelum akal yang waras akan mengorak langkah ke peringkat yang kedua iaitu memikirkan siapa yang mencipta alam semulajadi ini, termasuk dirinya. Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَبْصَارِ. الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, yaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha suci Engkau. Peliharalah kami daripada azab neraka.

Surah Ali Imran (3): 190-191

Seruan supaya menggunakan akal, memerhati dan berfikir amat banyak dinyatakan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran. Kebiasaannya Allah s.w.t. menyatakan berkenaan kejadian-kejadian ciptaanNya serta didatangkan misalan-misalan, bahkan bersumpah menggunakan makhluknya sebagai *muqsam bih*, lalu meminta manusia menggunakan akal mereka untuk memikirkannya dan menilai dengan sebaiknya. Dan proses pemikiran yang berlaku secara jujur dan matang itu pasti akan menatijahkan satu solusi, impak dan kesimpulan yang amat menarik.

Oleh kerana surah al-Nahl ini disepakati oleh kebanyakan ulama tafsir bahawa ia merupakan surah yang paling banyak membicarakan tentang nikmat-nikmat Allah s.w.t., kajian akan memfokuskan kepada surah ini dan memetik contoh-contoh daripadanya sebagai bukti betapa pentingnya peranan akal dalam mengenal Allah s.w.t.

## 2.0 DEFINISI AKAL

### 2.1 Definisi Akal Menurut Bahasa

Di dalam bahasa Arab, kata *al-'aql* (*'akala – ya'kilu – 'aklan*) mempunyai beberapa variasi makna sesuai dengan bentuk kemasukan imbuhan. 'Akal antara lain bererti mencegah (*al-hijr*) dan bijaksana (*al-nuhâ*). Sedangkan dalam bentuknya yang lain (mengikuti bentuk *ifti'âl*), ia bermakna mencegah, melarang, merintangi, menghalangi, dan menahan (*al-habs*); ia juga bermakna denda (*al-diyah*), tuan (*al-sayyid*), yang paling dermawan (*akrama*), dan yang terhormat (*mu'azzim*) (Muhammad, 1997).

Selain itu ia juga memberi maksud memahami dan mengetahui akan hakikat sesuatu (al-Mu'jam al-'Araby al-Asasi, t.t).

Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, akal bermaksud budi, fikiran, daya upaya dan ikhtiar (Kamus Dewan, 2007).

Di dalam bahasa Inggeris pula, Joyce (2000) mendefinisikan akal sebagai *mind, ability to be aware of things and to think and reason, originating on the brain, a person's attention, remembrance, intention or opinion*.

### 2.2 Definisi Akal Menurut Ulama:

Dalam mendefinisikan akal, Al-Ghazali (1999) menjelaskan bahawa ia adalah kata nama yang berkongsi padanya empat makna. Pertama, akal membawa maksud sifat

yang membezakan antara manusia dan haiwan. Menerusinya manusia mampu menerima ilmu-ilmu yang berbentuk teori dan merencanakan perkara-perkara yang berbentuk intelek. Keduanya, akal ialah segala ilmu yang wujud (bermula) pada usia kanak-kanak *mumayiz* yang dapat memastikan suatu kemungkinan daripada kemungkinan-kemungkinan dan suatu kemustahilan daripada kemustahilan-kemustahilan seperti ilmu tentang dua lebih banyak daripada satu. Ketiganya, akal ialah segala ilmu yang terhasil menerusi kajian dan eksperimen. Dan yang keempat, akal ialah kekuatan gerak hati atau naluri yang membawa kepada mengetahui akibat segala perkara dan mengekang hawa nafsu yang mengajak kepada kelazatan yang segera (dunia) dan dapat menguasainya.

Menurut Ahmad (t.t) di dalam *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, akal ialah penahan daripada kekejian perkataan dan perbuatan. Khalil menyatakan bahawa *al-aql* adalah lawan bagi jahil. Dikatakan *aqala ya'qilu aqlan* apabila seseorang mengetahui sesuatu perkara yang sebelum itu dia tidak mengetahuinya atau menahan daripada apa yang dia lakukan.

Manakala Said Hawwa (2010) pula berpandangan bahawa kata *al-aql* mempunyai banyak makna yang berbeza. Tapi secara umumnya ia mempunyai dua makna. Pertamanya, kata *al-'aql* sering digunakan dan diertikan sebagai mengetahui tentang hakikat sesuatu. Keduanya, kata *al-aql* digunakan dengan pengertian pengetahuan yang mampu mengetahui berbagai ilmu. Dan beliau mengaitkan kedua-dua makna ini dengan *al-qalb*.

Dan ada antaranya mentakrifkan akal sebagai asas asal dan konsep utama yang menyebabkan manusia itu dipertanggungjawabkan dengan taklif serta syarat seseorang itu sempurna (Abd Latif dan Rosmawati, 1997).

Kesimpulannya, akal ialah satu anugerah Allah s.w.t. yang berbentuk naluri dan semulajadi, yang mana dengannya seseorang mampu mengetahui pelbagai ilmu.

### 3.0 Pengenalan Surah Al-Nahl

Surah al-Nahl atau bermaksud Surah Lebah mengandungi 128 ayat. Dari segi susunannya di dalam al-Quran, ia merupakan surah yang ke 16, iaitu selepas Surah al-Hijr dan sebelum Surah al-Isra'. Namun dari segi tertib penurunannya, ia diturunkan selepas Surah al-Anbiya' dan sebelum Surah al-Sajadah, iaitu surah yang ke 72 diturunkan. Manakala al-Zamakhshary (1995) di dalam Tafsir al-Kashyaf menyebut bahawa ia diturunkan selepas Surah al-Kahfi. Jumhur ulama mengkategorikan surah ini sebagai surah *Makkiyyah*. Dan ada yang mengatakan, melainkan tiga ayat sahaja yang diturunkan di Madinah. Menurut Qatadah dan Jabir bin Zaid, bermula dari awal surah hingga ayat 40, adalah *Makkiyyah*. Manakala bakinya adalah *Madaniyyah*. Ini berdasarkan kepada riwayat dari Ibn Abbas dan Ibn al-Zubir. Sebahagian ulama lagi menyatakan dari awal surah hingga ayat 40, adalah *Madaniyyah* dan bakinya adalah *Makkiyyah*. Mustafa (2001) menyatakan bahawa surah ini adalah Surah Makkiyyah,

kecuali tiga ayat yang terakhir, diturunkan antara kota Mekah dan Madinah, ketika kembalinya Rasulullah s.a.w. dari medan Uhud.

### 3.1 Sebab Penamaannya

Menurut ulama-ulama tafsir, dinamakan surah al-Nahl kerana di dalamnya terkandung dua ayat, iaitu ayat 68 dan 69, yang membicarakan perihal lebah yang mana ia tidak disebut di dalam surah-surah lain. Firman Allah s.w.t.:

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ۖ  
ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۗ يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ  
أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ ۗ لِلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۗ لِّقَوْمٍ ۙ يَتَفَكَّرُونَ ۚ ٦٩

Maksudnya:

Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.

Surah Al-Nahl (16): 68-69

Di dalam ayat-ayat ini Allah s.w.t. telah menjelaskan bagaimana diilhamkan kepada sejenis serangga yang amat kecil, yang diberi nama lebah supaya menyedut manis pada bunga-bunga dan buah-buahan. Kemudian terhasil daripadanya madu yang memberi manfaat dan menjadi penawar kepada manusia. Perkhabaran yang amat menakjubkan dan menarik ini bertujuan supaya manusia berfikir dan memerhatikan ciptaan Allah s.w.t. yang amat hebat. Pemerhatian kepada ciptaan lebah dan bagaimana proses keberhasilan madu darinya akan membawa kepada hakikat kewujudan, kehebatan dan keagungan penciptanya, iaitu Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada Qatadah menjelaskan bahawa Surah al-Nahl ini dinamakan juga surah *al-Nia'm* (nikmat-nikmat). Menurut Ibn 'Atiyah, ini adalah kerana di dalamnya Allah s.w.t. menyebut pelbagai nikmat kepada hamba-hambanya (Muhammad Tohir, 1984).

### 3.2 Munasabah Surah Al-Nahl Dengan Surah Sebelumnya

Jika dilihat pada akhir Surah al-Hijr, ia mempunyai keterikatan yang amat erat dengan awal surah ini. Firman Allah s.w.t. pada akhir Surah al-Hijr:

فَوَرَّتْكَ لِنَسَلْتَهُمْ أَجْمَعِينَ

Maksudnya:

Demi Tuhanmu! Kami akan menyoal mereka (yang kafir itu) semuanya (pada hari kiamat kelak)

Surah Al-Hijr (15): 92

Di dalam ayat ini Allah s.w.t. telah menggunakan lafaz *qasam* untuk menjelaskan apa yang akan berlaku di Hari Akhirat nanti. Jesteru, ini menunjukkan kepada kepastian bahawa manusia kesemuanya akan disoal atas apa yang mereka telah lakukan di dunia. Begitu juga pada firman Allah s.w.t.:

وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ

Maksudnya:

Dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin.

Surah Al-Hijr (15): 99

Pada ayat ini pula mengingatkan manusia bahawa mereka akan mati serta kembali dan bertemu dengan Allah s.w.t. Lalu pada ayat yang pertama pada surah ini, Allah s.w.t. terus menyatakan kepastian Hari Kiamat yang akan mendatangi alam ini mengikut masa yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Cuma menurut Dr. Wahbah al-Zuhaily, di dalam Surah al-Hijr Allah s.w.t. menggunakan lafaz *mudhari'* pada ayat-ayat tersebut dan pada surah ini dengan lafaz *madhi*. Penggunaan lafaz *madhi* ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa peristiwa kiamat itu benar-benar akan berlaku dan masa berlakunya adalah amat hampir sekali (Wahbah al-Zuhaily, 1998). Di samping itu, al-Sya'rawi (t.t.) menyatakan bahawa kalimah *ata* menunjukkan kepada perkara yang yang diberitahu itu telah berlaku sebelum pemberitahuan tersebut. Manusia juga saling menceritakan sesama mereka apa yang telah berlaku. Akan tetapi, oleh kerana ini adalah kalam Allah s.w.t. dan ilmuNya sama sekali tidak berkurangan, iaitu ilmu yang azali, maka Dia berkuasa untuk mendatangkan perkara yang akan datang, bertepatan dengan apa yang telah Ia nyatakan. Dia telah menetapkan waktu dan tempat tiap sesuatu sebelum Ia menciptanya.

### 3.3 Isi Kandungan Surah Al-Nahl Secara Umum

Secara umumnya, sebagai mana surah-surah yang diturunkan di Mekah, surah ini membicarakan tentang usul tauhid atau akidah, iaitu mengesakan Allah s.w.t. dalam segala perkara, hari kebangkitan dan manusia akan dikumpulkan di Padang Mahsyar. Di awal surah ini, Allah s.w.t. telah memulakan dengan satu perkhabaran yang pasti bahawa akan berlakunya Hari Kiamat menurut masa yang telah ditentukanNya. Allah s.w.t. telah menggunakan lafaz *madhi* sebagai tanda kepastian akan berlakunya hari tersebut. Kemudian Ia nyatakan perihal wahyu yang diingkari dan dinafikan oleh golongan Musyrikin.

Setelah itu, surah ini mendatangkan dalil-dalil kekuasaan Allah s.w.t. di alam ini dengan menjelaskan ciptaan-ciptaanNya seperti langit dan bumi serta apa yang terkandung di dalam kedua-duanya seperti bintang-bintang, gunung-ganang, lautan, sungai, tumbuh-tumbuhan dan tanam tanaman, haiwan, kejadian manusia daripada air mani serta manfaat yang diperolehi daripada ciptaan-ciptaan tersebut. Surah ini juga menjelaskan pelbagai nikmat Allah s.w.t. kepada manusia, namun mereka kufur dan tidak bersyukur dengan nikmat yang dianugerahkan tersebut. Maka disediakan untuk mereka neraka jahanam yang akan menjadi tempat penginapan mereka selamlamanya. Bagi orang yang bersyukur dan bertakwa, disediakan syurga 'Adn. Selain nikmat-nikmat tersebut, Allah s.w.t. utuskan rasul kepada setiap umat supaya mereka mengajak serta membimbing manusia ke arah mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. dan menjauhi taghut.

Kemudian diingatkan kepada rasul-rasul bahawa di hari kiamat nanti mereka akan dipersaksikan atas apa yang mereka sampaikan kepada kaum mereka di dunia dahulu. Manakala orang-orang kafir tidak dibenarkan berkata-kata pada hari tersebut, bahkan Allah s.w.t. enggan menerima apa sahaja alasan yang diberikan atas kekufuran mereka.

Setelah itu diperintahkan supaya manusia memenuhi atau menunaikan janji yang telah dibuat dan haram mengkhianati janji tersebut. Dan ditegah juga bersumpah dalam janji tersebut dengan tujuan untuk menipu dan sebagainya.

Di dalam surah ini, Allah s.w.t juga memerintahkan agar dibacakan *isti'azah* apabila hendak memulakan pembacaan al-Quran. Dan dijelaskan juga kelemahan dan ketidakmampuan syaitan untuk menguasai orang yang beriman dan bertakwa kepada tuhanNya, dan penguasaan tersebut hanya kepada orang-orang musyrikin. Dan dijelaskan juga sesungguhnya al-Quran itu diturunkan oleh *Roh al-Qudus* ke dalam hati Nabi Muhammad s.a.w. Ia merupakan kalam Allah s.w.t., bukannya kalam manusia yang berbangsa Arab atau 'ajam.

Di akhir surah, dinyatakan tentang haiwan yang diharamkan oleh Allah s.w.t. dan dalam masa yang sama menegah ulama-ulama daripada menghalal atau mengharamkan sesuatu perkara tanpa bersandarkan kepada dalil.

Kemudian ditutup surah ini dengan memuji Nabi Ibrahim a.s. yang tetap teguh berpegang kepada tauhid yang sebenar. Justeru itu Allah s.w.t. memerintahkan baginda s.a.w. mengikut millah Nabi Ibrahim a.s. Allah s.w.t. juga memerintahkan supaya berdakwah kepada agamaNya dengan uslub yang berhikmah dan nasihat yang baik serta dalam masa yang sama bersabar dengan musibah dan kesedihan yang menimpa serta bergantung kepada pertolongan Allah s.w.t (Wahbah alZuhaily, 1998 & Muhammad Ali, 1997).

#### 4.0 Peranan Akal Dalam Mengenali Allah S.W.T.

Islam telah menjadikan akal sebagai tempat taklif (bebanan syarak). Lantaran itu Allah s.w.t. telah mentaklifkan seseorang untuk melakukan ibadah apabila ia sempurna akalnya. Menurut Ahmad Izzuddin (2003), asas bagi akidah Islam dan seluruh hukum-hukum syarak ialah kitab Allah s.w.t. dan sunnah Rasulullah s.a.w. Akidah dan hukum-hukum ini pula disokong oleh akal dan disabitkan dengan penelitian yang tepat. Oleh itu Allah s.w.t. telah memuliakan akal dengan menjadikannya pusat *khitab* (arahan sama ada arahan berbentuk suruhan atau larangan) dan taklif Allah s.w.t. telah menggalakkan manusia menggunakan akal supaya meneliti, mengkaji dan memikirkan tentang tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. sama ada yang boleh dilihat atau yang boleh dibaca. Perihal akal ini juga dibincangkan oleh Al-Ghazali (1999) ketika membicarakan tentang akal, kemuliaan, hakikat dan pembahagiannya menyatakan bahawa akal merupakan sumber bagi ilmu, tempat keluarnya dan dasarnya. Ilmu keluar daripadanya seperti mana keluarnya buah daripada pokok, cahaya daripada matahari dan pandangan daripada mata.

Ulama-ulama kalam juga telah menggariskan satu kaedah hukum yang dikenali sebagai hukum akal untuk mengenali Allah s.w.t. Hukum akal telah didefinisikan oleh mereka sebagai ketetapan hukum yang ditetapkan oleh akal untuk mensabitkan atau menafikan hukum bagi sesuatu, sama ada menghukumkan ada atau menghukumkan tiada seperti menghukumkan wajib adanya Allah s.w.t. dan menghukumkan pula mustahil tiadanya Allah s.w.t. (Zainul Abidin, 2011 & Engku Ali, 2011). Mereka telah membahagikan hukum akal ini kepada tiga, iaitu:

- i. Wajib iaitu perkara yang tidak diterima akal akan tiadanya, malahan ianya tetap ada atau wajib ada. Contohnya seperti wajib adanya Allah s.w.t., tuhan yang menciptakan alam ini. Maka akal tidak boleh menerima kenyataan bahawa Allah s.w.t. atau tiada pencipta bagi alam ini.
- ii. Mustahil iaitu perkara yang tidak diterima pada akal akan adanya, malahan ianya tetap tiada atau mustahil ada. Contohnya mustahil Allah s.w.t. ada permulaan. Ini kerana sekiranya Ia ada permulaan, sudah pasti akan ada yang menciptaNya. Dan sekiranya ada yang menciptaNya, sudah pasti yang menciptaNya itu lebih berkuasa dariNya. Justeru, ia adalah mustahil.
- iii. Harus iaitu perkara yang diterima pada akal akan adanya dan tiadanya. Contohnya seperti adanya atau tiadanya perkara yang *mumkin* (sesuatu yang boleh jadi ada atau boleh jadi tiada iaitu segala makhluk di alam ini).

Oleh itu, adanya atau tiadanya makhluk itu adalah suatu yang harus jua (Ibrahim, 2015 dan Muhammad, 2009).

Di dalam al-Quran, banyak perintah-perintah yang menyuruh manusia menggunakan akal fikiran tatkala melihat ciptaan Allah s.w.t. contohnya dalam Surah al-Ghasyiah ayat 17 hingga 19 yang bermaksud:

*Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan?*

Bahkan lebih daripada 20 kali diulang lafaz *ta'kilun* (تعقلون) di dalam al-Quran. Contohnya pada surah 2:44, 2:73, 2:76, 2:242, 3: 65, 3:118, 6:32, 6:151, 10:16, 11:51, 12:2, 12:109, 21:10, 21:67, 23: 80, 24:61, 26:28, 28:60, 36:62, 37:138, 40: 67, 43:3 dan 57:17.

Daripada perbahasan di atas, jelas menunjukkan bahawa akal memainkan peranan yang amat penting dalam mengenal Allah s.w.t. Bahkan ia menjadi medium atau alat yang paling utama dalam proses mentauhidkan Allah s.w.t.

## 5.0 Saranan Penggunaan Akal Di Dalam Surah Al-Nahl

Allah s.w.t. telah menjadikan al-Quran sebagai panduan kepada manusia, khususnya dalam mengenali penciptanya. Pelbagai metode dan cara yang digunakan olehNya agar manusia sampai kepada tahap mengenaliNya secara jizam dan *thabat* serta diimaninya di dalam hati tanpa *zhon*, syak dan waham. Bahkan ia adalah suatu tuntutan yang wajib. Ini kerana akidah yang tidak dibina atas keyakinan yang sepenuhnya tidak akan diterima Allah s.w.t. Nuh (2014) menjelaskan Allah s.w.t. telah memerintahkan kepada NabiNya supaya mengetahui dengan ilmu yang pasti bahawa "tiada Tuhan melainkan Allah s.w.t. Suruhan daripada Allah bererti wajib. Jesteru, mengetahui tentang hakikat tauhid dan menesakan Allah Taala ini menjadi wajib. Begitu juga dengan mengetahui segala perkara yang berkaitan dengannya.

Kajian di dalam surah al-Nahl mendapati bahawa Allah s.w.t. telah menggunakan tiga metode yang amat menarik agar manusia dapat mengaplikasikan akal mereka ke arah mengenali Allah s.w.t. metode-metode tersebut ialah:

- i. Metode pertama ialah pernyataan tentang hal ehwal ciptaan-ciptaanNya dan fungsi-fungsi serta manfaatnya kepada manusia. Maka pemerhatian serta *tadabbur* yang jitu akan membawa kepada tindak balas akal yang pasti akan persoalan siapakah yang mencipta semua perkara tersebut. Ibrahim (2000) menyatakan dalam *Jauharah al-Tauhid*:  
*"Maka berfikirilah pada dirimu sendiri, kemudian pindahlah kepada alam ulwi (langit) dan kemudian lagi kepada alam sufli (bumi), nescaya engkau akan mengetahui padanya satu ciptaan yang diciptakan tanpa ada contoh mendahului serta penuh dengan kesempurnaan. Akan tetapi dengannya telah tegak dalil ketiadaan".*

- ii. Metode kedua ialah metode perumpamaan atau *masal*, lantas dibuat perbandingan. Ini juga merujuk kepada akal sebagai alat untuk memahami perumpamaan tersebut dan akhirnya melahirkan natijah yang selari dengan apa yang dikehendaki oleh syarak. Zainal Abidin & Najib (2009) menyatakan, sesuatu gambaran dalam al-Quran dalam bentuk *al-amthal* adalah bertujuan untuk menjelaskan maksud yang tersirat supaya fikiran dan jiwa manusia memikirkan hakikat sesuatu kebendaan yang dinyatakan seterusnya mengambil peringatan dan pengajaran.
- iii. Metode ketiga ialah metode perbandingan. Perbandingan yang dibuat secara terang dan jelas ini memerlukan kejujuran akal untuk merumuskannya serta memutuskannya. Pertimbangan akal yang jujur akan membawa kepada mentauhidkan Allah s.w.t. dan menafikan segala sembahhan-sembahhan yang lain.

Ketiga-tiga metode ini jelas memberikan isyarat kepada manusia agar menggunakan akal mereka untuk memikirkan segala apa yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t.

Di antara ayat-ayat yang menggunakan metode pertama, iaitu menyebut perihal makhluk-makhluk ciptaannya, fungsi-fungsi dan manfaat-manfaatnya ialah:

<b>Bil.</b>	<b>Ayat</b>	<b>Isi kandungan</b>
1.	3. Ia menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat; Maha Tinggilah ia dari perbuatan syirik yang mereka lakukan.	Penciptaan langit dan bumi.
2.	4. Ia menciptakan manusia dari air benih, (setelah sempurna kejadiannya), tiba-tiba menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya.	Penciptaan manusia dan asal usul kejadiannya.
3.	5. Dan binatang-binatang ternak itu, ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. 6. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berihat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). 7. Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah.	Penciptaan binatang-binatang ternakan dan manfaat-manfaatnya kepada manusia. Di antara manfaatnya ialah: i. Kulitnya dijadikan pelindung badan daripada kesejukan. ii. Dagingnya dimakan. iii. Hiburan dan keseronokan ketika binatang-binatang itu pulang pada waktu petang dan keluar mencari makanan pada waktu pagi. iv. Sebagai kenderaan untuk membawa barangan untuk berdagang dan sebagainya.

	Sesungguhnya Tuhan kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.	
4.	8. Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan ia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.	Penciptaan beberapa jenis binatang lain, yaitu kuda, baghal dan keldai yang menjadi tunggangan dan harta benda yang membanggakan.
5.	10. Dia lah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya. 11. Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandung satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir.	Penciptaan hujan dan manfaatnya. Di antara manfaatnya ialah: i. Minuman. ii. Menumbuhkan tumbuh-tumbuhan, yang mana ia menjadi makanan kepada binatang ternakan. iii. Menumbuhkan tanaman-tanaman dan pokok buah-buahan
6.	12. Dan ia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya.	Penciptaan malam dan siang, matahari, bulan dan bintang-bintang.
7.	13. Dan apa-apa jua yang dijadikan untuk kamu di bumi yang berlainan jenisnya (dimudahkan juga untuk kegunaan kamu). Sesungguhnya yang demikian itu mengandung satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi kaum yang mahu mengingati nikmat Allah itu.	Penciptaan pelbagai makhluk untuk dimanfaatkan oleh manusia.
8.	14. Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.	Penciptaan laut dan manfaatnya. Di antara manfaatnya ialah: i. Makanan. ii. Di dalamnya ada benda yang menjadi perhiasan kepada manusia. iii. Jalan untuk kapal-kapal belayar.
9.	15. Dan ia mengadakan di bumi gunung-	Penciptaan gunung-ganang sebagai

	ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu; dan ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju.	pasak yang mengukuhkan bumi serta sungai dan jalan-jalan sebagai penghubung untuk sampai kesesuatu destinasi.
10.	16. Dan (ia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.	Penciptaan bintang dan manfaatnya sebagai panduan kepada manusia untuk mengetahui arah perjalanan mereka.
11.	36. Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan rasul-rasulNya.	Perintah mengembara untuk melihat kesan umat-umat terdahulu yang mendustakan rasul-rasul yang diutuskan.
12.	48. Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah dijadikan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah, sedang mereka merendah diri?	Penciptaan bayang-bayang dan rahsianya.
13.	65. Dan Allah menurunkan hujan dari langit, lalu ia menghidupkan dengan air hujan itu akan bumi sesudah matinya; Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mendengar (peringatan ini dan memahaminya).	Penciptaan hujan dan manfaatnya.
14.	66. Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (laitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.	Penciptaan binatang-binatang ternakan dan manfaatnya, iaitu susu.
15.	67. Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya	Penciptaan kurma dan anggur serta faedahnya.

	<p>minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalanya.</p>	
16.	<p>68. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.</p> <p>69. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.</p>	<p>Penciptaan lebah dan manfaatnya, iaitu menghasilkan madu yang menjadi ubat kepada manusia.</p>
17.	<p>70. Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian ia matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebududukan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.</p> <p>71. Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakanNya; Dalam pada itu, orang-orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian dari kelebihan hartanya kepada hambahamba mereka, supaya orang-orang itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamak mengingkari nikmat Allah itu dengan perbuatan syirik?</p> <p>72. Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari</p>	<p>Penciptaan manusia, peringkat-peringkat kehidupan mereka, serta nikmat dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. seperti suami, isteri, anak-anak dan cucu-cicit.</p>

	benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?	
18.	78. Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.	Asal-usul kejadian manusia dan diberikan nikmat pendengaran, penglihatan serta akal fikiran.
19.	79. Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah; Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.	Penciptaan burung dan kemampuannya terbang di angkasa.
20.	80. Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa. 81. Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakanNya: benda-benda untuk berteduh, dan ia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung; dan ia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, ia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadanya dan mematuhi perintahNya.	Penciptaan tempat tinggal dan berteduh, pakaian, serta perabot rumah.
21.	115. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana	Pengharaman beberapa jenis makanan mempunyai hikmah dan rahsia dibalikinya.

	<p>Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.</p>	
--	--	--

Metode kedua ialah menerusi perumpamaan:

Bil.	Ayat	Isi kandungan
1.	<p>75. Allah memberikan satu misal perbandingan: seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatupun; dan seorang lagi (yang merdeka) yang Kami kurniakan kepadanya pemberian yang baik (harta kekayaan) dari kami, maka Dia pun membelanjakan hartanya dengan bebasnya, sama ada secara bersembunyi atau terbuka, Adakah kedua orang itu sama? Segala puji tertentu bagi Allah (dan Allah jualah yang berhak disembah), tetapi kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat Tauhid itu).</p>	<p>Perumpamaan seorang hamba dengan seorang yang merdeka – berhala yang disembah dengan (berbanding) Allah s.w.t.</p>
2.	<p>76. Dan Allah memberikan satu misal perbandingan lagi: dua orang lelaki, salah seorangnya kelu pekak dari semulajadinya, tidak dapat menyatakan apa yang difikirkannya dan tidak dapat mendengar apa yang dikatakan kepadanya; dan ia pula menjadi beban kepada orang yang menjaganya; ke mana sahaja ia diarahkan pergi oleh penjaganya, tak dapatlah Dia membawa sesuatu yang berfaedah; Adakah Dia (yang demikian sifatnya) sama seperti orang (yang boleh berkata-kata serta dapat) menyuruh orang ramai melakukan keadilan, dan ia sendiri pula berada di atas jalan yang lurus (jalan yang benar)?</p>	<p>Perumpamaan orang yang bisu dan pekak dengan orang yang sempurna sifat-sifatnya – berhala yang disembah dengan (berbanding) Allah s.w.t.</p>

Dan yang terakhir adalah metode perbandingan:

Bil.	Ayat	Isi kandungan
------	------	---------------

1.	17. Kalau sudah demikian, adakah Allah yang menciptakan semuanya itu sama seperti makhluk-makhluk yang tidak menciptakan sesuatu? Maka patutkah kamu lalai sehingga kamu tidak mahu beringat serta memikirkannya?	Perbandingan antara Allah s.w.t. yang berkuasa mencipta dengan makhluk-makhluk lain yang tidak mampu mencipta. Maka siapa yang lebih layak disembah?
2.	20. Dan makhluk-makhluk yang mereka sembah selain dari Allah itu tidak dapat menciptakan sesuatupun, bahkan merekalah yang diciptakan.	Perbandingan makhluk yang disembah, tidak dapat mencipta, sebaliknya mereka yang dicipta oleh Allah s.w.t. Jesteru, siapa yang berhak disembah?

Daripada kajian di atas menunjukkan bahawa gesaan menggunakan akal dalam mengenali Allah s.w.t. adalah sesuatu yang penting dan perlu dititikberatkan. Bahkan memerhatikan segala makhluk ciptaan Allah s.w.t. mampu membawa manusia kepada mengenal Allah s.w.t. dan seterusnya beriman kepadaNya serta mengesakanNya dalam segala upacara ibadah dan *isti'ana*h. Firman Allah s.w.t.:

إِنَّا كُنَّا نَعْبُدُ وَإِنَّا كُنَّا نَسْتَعِينُ

“Hanya kepada Engkau kami sembah dan hanya kepada Engkau kami mohon pertolongan.”

Surah al-Fatihah (1): 5

## 6.0 Kesimpulan

Islam adalah satu-satunya agama yang menghormati dan memuliakan akal, seterusnya mengangkat kedudukan manusia di tempat yang selayaknya. Ia dianggap sebagai medium yang mampu mengetahui hakikat sesuatu perkara, khususnya hakikat kewujudan Allah s.w.t., kekuasaanNya dan *wahdaniyyah*Nya. Islam juga tidak membenarkan penganut-penganutnya bertaqlid secara semborono tanpa mengetahui dalil dan bukti. Jesteru ia menyarankan kepada penganut-penganutnya agar sentiasa berfikir, merenung dan mengkaji. Bahkan dicela dan dihina manusia yang mensiasikan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. Seandainya manusia jujur menggunakan akalnya, sudah pasti ia akan membimbingnya kepada yang hak. Ini terbukti dengan berimannya ilmuwan-ilmuan dalam pelbagai bidang, natijah daripada kajian-kajian yang dilakukan oleh mereka.

Namun demikian, perlu diingatkan bahawa akal manusia ini mempunyai batasan dan hadnya. Ia seharusnya bergantung dan bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber rujukan utama. Dan Surah al-Nahl ini telah memandu manusia untuk menggunakan akal dengan sebaiknya, yang akhirnya akan membawa kepada mentauhidkan Allah s.w.t. Kegagalan mengambil kedua-dua sumber ini sebagai asas dan panduan dalam berfikir akan membawa kepada penyimpangan dan penyelewengan dari jalan Ahli Sunnah wal Jamaah yang sebenar. Maka ia akan membawa kepada salah faham dalam *makrifatullah*, sebagaimana yang berlaku kepada golongan Muktazilah.

## 7.0 Rujukan

- Abdul Latif Muda dan Rosmawati binti Ali. (1997). *Pengantar Ilmu Mantik*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- Ahmad bin Faris bin Zakaria. (t.t). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Dimasyk: Dar al-Fikr.
- Ahmad Izzudin al-Bayanuni. (2003). *Petunjuk Akidah: Ahli Sunnah wal Jamaah*. J.1.
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy. (2001). *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Engku Ali bin Engku Endut. (2011). *Fiqh al-Aqidah*. Pattani: Bin Halabi Press.
- Ibrahim al-Laqqoni. (2000). *Jauharah al-Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Jamaah Min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab. (t.t.). *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Al-Munazommah al-'Arabiyyah lil Tarbiyyah wa al-Thaqofah wa al-Ulum.
- Joyce M. Hawkins. (2000). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. (Edisi Kedua). Selangor: Pustaka Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Maad Ahmad, Mohammed Yosef Nateh & Mohd Rofaizal Ibrahim (2017). *Antara Akal Dan Wahyu Dari Perspektif Islam*. E Prosiding PASAK 2 – Jilid 2: Subtema Ilmu Bahasa, Nilai-nilai Sejangat, Sejarah dan Ekonomi, 1-11
- Mahmud bin Umar bin Muhammad al-Zamarkhsyary. (1995). *Tafsir al-Kashyaf 'an Haqaiq Ghamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawilfi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Ali Sabuni. (1997). *Sofwah al-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Sabuni. J. 2.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1999). *Ihya' Ulum al-Din*. Dimasyk: Dar al-Fikr. J. 1.
- Muhammad bin Mukram. (1997). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sader. J. 4.
- Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. (t.t.). *Tafsir al-Sya'rawi*. (tanpa pencetak).
- Muhammad Tohir bin 'Asyhur. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunis lil Nashr. J. 14.
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Nuh Ali Salman al-Qudha. (2014). *Al-Mukhtasor al-Mufid fi Syarh Jauharah al-Tauhid*. Pahang: Sohabah Setia Enterprise.
- Said Hawwa. (1997). *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Kaherah: Dar as-Salam.

Wahbah al-Zuhaili. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr. J. 13-14.

Zainal Abidin Muhammad dan Muhd Najib Abdul Kadir. (2009). *Al-Amthal Dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Zainul Abidin bin Muhammad. (2011). *Aqidatu al-Naajin fi 'Ilm Usul al-Din*. Selangor: Al-Hidayah Publications.